LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA
PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0 : 2021-2025

2022

JABATAN KETUA MENTERI

www.smj.sabah.gov.my

LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0: 2021-2025

2022

JABATAN KETUA MENTERI
WWW.SMJ.SABAH.GOV.MY

Cetakan Pertama pada 30 Mei 2023

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Aras 12-14, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

http://www.smj.sabah.gov.my
Emel: sabahmajujaya@sabah.gov.my

Dicetak oleh:
Pencetak Kerajaan
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
KM 4, Jalan Tuaran
85554 KOTA KINABALU

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1

RETROSPEKTIF

SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

KETUA SEKRETARIAT, SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Integriti.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengiktiraf sumbangan penjawat awam dalam merealisasikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya. Ruang peningkatan kerjaya dan peningkatan kapasiti juga telah ditambah baik dengan mengambil kira keperluan semasa bagi memastikan perkhidmatan kerajaan dapat disampaikan dengan sebaiknya.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua Kementerian, Jabatan, agensi serta penjawat-penjawat awam yang telah bekerja keras, berusaha gigih dan mengorbankan masa dalam usaha menjayakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025). Hasil usaha gigih semua pihak telah dapat dilihat apabila ekonomi negeri Sabah menzahirkan petanda-petanda pemulihan seperti peningkatan kutipan hasil, kemasukan pelaburan baharu, dan peningkatan kehadiran pelancong.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khususnya kepada seluruh pasukan Sekretariat Sabah Maju Jaya yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) dalam melaksanakan tanggungjawab selaku Urus Setia Sekretariat serta melaksanakan pelbagai program. Mentaliti berfikir dan bertindak 24/7 sebagai penjawat awam adalah faktor yang membolehkan setiap inisiatif dilaksanakan dengan jayanya. Diharapkan Sekretariat Sabah Maju Jaya akan terus menggalas tanggungjawab yang diberikan dengan cemerlang. Momentum ini perlu ditingkatkan dan diteruskan di masa akan datang.

Dengan itu, harapan saya dengan penghasilan Laporan Tahunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025) akan memberikan inspirasi kepada semua warga perkhidmatan awam untuk menjayakan pelan ini. Sekali gus, memberikan rasa kepunyaan bersama dan rasa kebanggaan akan pencapaian pelan ini.

Wassalam.

YBhg. Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai, JP

RETROSPEKTIF
SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

Inisiasi

Pada 29 Mac 2021, iaitu dalam tempoh genap enam bulan dari tarikh penubuhan Kerajaan Negeri, Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang dimulakan dengan Pelan Pembangunan SMJ 1.0 bagi tempoh 2021-2025 [disebut sebagai Pelan SMJ] telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri. Pelan SMJ dirangka berpaksikan tiga Elemen Utama yang diinspirasikan daripada moto jata negeri Sabah iaitu “Sabah Maju Jaya”. Huruf awalan setiap perkataan dalam slogan ini iaitu “S”, “M” dan “J” dijadikan awalan bagi tiga Elemen Utama Pelan SMJ iaitu **S: Sektor Utama Fokus Pertumbuhan Ekonomi** yang terdiri kepada **Sektor Pertanian**, **Sektor Perindustrian** dan **Sektor Pelancongan**; **M: Modal Insan & Kesejahteraan Rakyat**; dan **J: Jaringan Infrastruktur & Kelestarian Hijau**.

Adaptasi ini bertujuan untuk menerapkan semangat perjuangan kemerdekaan dan pendirian negeri Sabah terdahulu, untuk membangunkan rakyat dan negeri Sabah agar mencapai kemajuan dan kejayaan yang gemilang, seterusnya menterjemahkannya kepada hala tuju di dalam Pelan Pembangunan SMJ. Di samping itu, Elemen Utama ini didukung oleh lima (5) Pemboleh Daya iaitu **Kemampanan Fiskal**, **Kemudahan Kewangan**, **Keberkesanan & Kecekapan Penyampaian**, **Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti** serta **Kerajaan Digital Berteraskan Teknologi & Inovasi**.

Implementasi

Usaha-usaha pemulihan ekonomi negeri giat dijalankan melalui pelaksanaan fasa pertama Pelan SMJ yang meliputi sejumlah 573 inisiatif. Kesemua inisiatif dirangka selaras dengan fungsi teras setiap kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ia dipantau secara dekat oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya (Sekretariat SMJ). Status pelaksanaan dan pencapaian setiap kementerian dibentangkan kepada umum setiap tahun melalui Laporan Status Pelaksanaan dan Pencapaian Tahunan SMJ bermula dengan tahun pertama pada 29 Mac 2022.

Implementasi

Usaha diteruskan kepada pelaksanaan fasa kedua Pelan SMJ yang meliputi 510 inisiatif, yang mana sebahagian besar daripadanya adalah merupakan lanjutan kepada inisiatif tahun 2021, sebahagiannya lagi adalah inisiatif baharu. Laporan status pelaksanaan dan pencapaian bagi fasa kedua dikeluarkan pada 29 Mac 2023.

Di samping inisiatif-inisiatif ini, Pelan SMJ juga memulakan beberapa inisiatif baharu yang dikenali sebagai **Inisiatif Fokus Semasa**. Ia merupakan inisiatif yang dijadikan tumpuan oleh kerajaan kerana ia dirangka untuk memanfaatkan potensi-potensi ekonomi negeri yang kurang atau belum diterokai secara tuntas, serta untuk mewujudkan persekitaran yang mesra pelabur. Seterusnya, diperkenalkan juga **Inisiatif *Flagship***, iaitu inisiatif baharu yang berimpak tinggi, membawa pembaharuan kepada pembangunan negeri dan menonjolkan identiti negeri Sabah.

Pewujudan inisiatif-inisiatif tersebut juga bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan pelabur bagi menyalurkan dana-dana pelaburan di pelbagai sektor dalam negeri ini. Pendekatan mesra pelabur ini meletakkan kedudukan Kerajaan Negeri Sabah sebagai pemilik aset yang menyediakan lokasi ataupun platform tertentu untuk dijadikan medan kemasukan bagi para pelabur menjalankan aktiviti ekonomi, dengan persetujuan yang saling memenangkan kedua-dua pihak serta pada yang sama dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di seluruh negeri.

Refleksi

Selama dua tahun pelaksanaan Pelan SMJ, hasilnya sudah terzahir melalui beberapa pencapaian. Kutipan hasil negeri pada tahun 2021 telah meningkat kepada RM5.449 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 51.74%. Seterusnya pada tahun 2022, hasil negeri yang dikutip mencecah RM6.96 bilion iaitu peningkatan sebanyak 27.75%.

RETROSPEKTIF
SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

Refleksi

Rekod kutipan bagi kedua-kedua tahun ini adalah pencapaian yang memecahkan rekod tertinggi kutipan-kutipan hasil sebelum ini. Selain meningkatkan kutipan hasil, keyakinan pelabur telah terbukti apabila sebanyak tiga (3) pelaburan besar bernilai RM6.9 bilion telah masuk ke negeri Sabah dalam tempoh dua tahun ini. Yang pertama, pelaburan syarikat dari Korea Selatan, SK Nexilis (M) Sdn. Bhd. bernilai RM4.28 bilion untuk membina kilang kerajang tembaga di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP). Pembinaan kilang sedang berjalan rancak dengan kemajuan berada di tahap 68.8% setakat Februari 2023. Ia dijangka akan mula beroperasi pada bulan September 2023 ini.

Seterusnya yang kedua adalah pelaburan daripada syarikat negara China, SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd. (SBH Kibing) bernilai RM2.0 bilion untuk membina kilang pembuatan kaca panel solar dan pemprosesan pasir. Kemajuan pembinaannya setakat ini berada di tahap 25% dan dijangka akan siap beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2023. Manakala pelaburan yang ketiga adalah daripada sebuah syarikat pengeluar produk berasaskan kelapa iaitu Linaco Group di daerah Paitan bernilai RM620 juta. Ketiga-tiga pelaburan ini secara keseluruhannya menyediakan sebanyak 12,750 peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah.

Satu lagi pencapaian berimpak tinggi yang dikecapi adalah pemeteraian Perjanjian Kerjasama Komersil (*Commercial Collaboration Agreement*, CCA) dengan syarikat minyak dan gas negara, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Kolaborasi ini dijalinkan atas prinsip *Greater Say*, *Greater Participation*, *Greater Revenue.* Melalui kolaborasi ini, negeri Sabah akan mendapatkan perkongsian hasil berkaitan minyak dan gas yang lebih besar (*greater revenue sharing*), penyertaan dan penguasaan yang lebih besar dalam hal-hal minyak dan gas (*greater participation and greater say*), di bawah satu (1) rangka kerja perundingan (*consultative framework*) komersial bersama dengan PETRONAS sambil memastikan negeri Sabah mengekalkan hak perundangannya selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963.

RETROSPEKTIF
SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

Refleksi

Bagi memaknai Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA), Kerajaan Negeri melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Sabah, Sabah Energy Corporation (SEC) telah menandatangani Perjanjian Bekalan Gas Asli dengan PETRONAS yang menjadikan SEC sebagai pembekal dan pengangkut gas asli domestik terbesar di Sabah. Langkah ini akan membantu Sabah untuk maju ke hadapan dalam meneroka potensi penuh rantaian industri gas asli di negeri ini.

LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)

: PENCAPAIAN KESELURUHAN

BAHAGIAN 2

LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)

: PENCAPAIAN KESELURUHAN

BAHAGIAN 2

LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)

: PENCAPAIAN KESELURUHAN

BAHAGIAN 2

LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)

: PENCAPAIAN KESELURUHAN

	(Hijau)	(Kuning)	(Merah)	JUMLAH
JKM	135	22	9	166
MOF	24	6	1	31
KKR	20	5	2	27
KePKAS	45	5	5	55
KKTP	16	4	3	23
MIDE	12	1	0	13
MAFFI	92	24	3	119
KPLB	9	0	2	11
KPMKR	12	2	0	14
KSTI	20	2	0	22
KBSS	7	1	1	9

Inisiatif

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

Hala Tuju Sabah Maju Jaya –
Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025)

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

BAHAGIAN INTEGRITI DAN GOVERNANS NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Mengadakan Hari Integriti Negeri Sabah dengan menyasarkan penyertaan 500 anggota perkhidmatan awam negeri Sabah pada setiap tahun.	Jumlah Peserta	500 Orang	100%
2	Mengadakan Jelajah You-INS di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi dengan menyasarkan pelaksanaan sepuluh (10) siri jelajah setiap tahun.	Jumlah Jelajah Yang Dilaksanakan	10 Siri Jelajah	100%

BAHAGIAN KABINET DAN DASAR

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Kajian Membangunkan dan menggunakan Sistem Penyampaian Pengemaskinian dan Penilaian Dasar-Dasar Kerajaan pada tahun 2022.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	85%

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan pelan konsep dua (2) Projek Pembangunan Saliran dan Tebatan Banjir Kilat di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu (timeframe: 2021-2025).	Peratus Penyiapan Pelan Konsep	100%	100%
2	Melaksanakan pemasangan 40 unit lampu solar di perhentian bas di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu menjelang tahun 2025.	Pemasangan Unit Lampu Solar	16 Unit	100%
3	Melaksanakan projek pembangunan Taman Awam 1,Tanjung Aru.	Peratus Pelaksanaan Projek	50%	100%
4	Membina perangkap Rubbish Boom Trap di Sungai Darau menjelang tahun 2023.	Peratus Kemajuan Pelaksanaan	5%	100%
5	Menaik taraf sistem elektrikal di Pasar Besar Kota Kinabalu menjelang tahun 2025.	Peratus Kemajuan Pelaksanaan	5%	100%
6	Menyediakan Pelan Konsep bagi Taman Botani Sabah (timeframe: 2021-2025).	Peratus Kemajuan Pelaksanaan	80%	100%
7	Mewujudkan sistem pengurusan data setinggan yang lebih sistematik dan selamat.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
8	Pelaksanaan projek pembinaan Dataran Sepanggar untuk membantu rakyat kerana akan menyediakan ruang niaga terutamanya peniaga kecil di Sepanggar serta menjadi kawasan tumpuan pengunjung menjelang tahun 2025.	Peratus Kemajuan Pelaksanaan Projek	10%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
9	Membangunkan dan menggunakan Sistem Tempahan Dewan oleh syarikat pembekal (GoNet) menjelang tahun 2025.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	90%
10	Mewujudkan dan Membangunkan E-LESEN bagi memudahcara pelanggan DBKK untuk memohon semua jenis lesen(trading license) secara atas talian menjelang 2025.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	90%
11	40% premis makanan mendapat Gred A dan 60% premis makanan mendapat Gred B di Central Business District (CBD) Kota Kinabalu.	Memberikan Gred Premis Makanan	100%	72%
12	Melaksanakan Projek Pembangunan Landskap di 5 buah pekan utama dan 1 buah kawasan lagun menjelang 2025.	Peratus Kemajuan Pelaksanaan	100%	70%

JABATAN ARKIB NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Memasukan senarai tajuk penerbitan dalam sistem pengurusan arkib negeri dengan sasaran 15,000 bagi tahun 2022.	Bilangan Tajuk Penerbitan	100%	100%
2	Membangun dan menggunakan Sistem Pengurusan Arkib Negeri pada tahun 2022.	Purata Daripada Markah Peratusan Sub-Inisiatif.	100%	100%
3	Menambah baik Pengurusan Sistem Rekod Arkib ke Versi 2.	Aktiviti Khidmat Nasihat Yang Siap Dilaksanakan Kepada Jabatan Kerajaan.	100%	100%
4	Mengadakan 1 aktiviti Pendidikan menjelang 2022: Simposium Sejarah Sembulan. (Membuat kajian dan persiapan Simposium Sejarah Sembulan).	Jumlah Aktiviti Yang Dilaksanakan	100%	100%
5	Mengadakan 3 pameran. Pameran Sabah Maju Jaya. Pameran Sejarah Sembulan. 4 kali pameran di Walkway Arkib Negeri Sabah.	Jumlah Pameran Yang Dilaksanakan	100%	100%
6	Pendigitalan lima (5) jenis surat khabar tempatan dari tahun 1883-1973.	Bilangan Surat Khabar	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN ARKIB NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
7	Pengumpulan maklumat-maklumat sejarah di Sabah. Fasa 1: Pengumpulan maklumat Sejarah Sembulan Bulat Sebulan. Fasa 2: Pengumpulan maklumat tentang Sejarah Tuaran sepintas lalu. Fasa 3: Pengumpulan maklumat tentang Sejarah Persatuan Rumpun Bajau Samah di Tuaran. Fasa 4: Pengumpulan maklumat tentang Sejarah Mempakul.	Aktiviti Perolehan Maklumat Dari Tiga (3) Daerah / 4 Fasa	100%	100%
8	Menerbitkan 4 terbitan (Laporan Tahunan Arkib Negeri Sabah 2014 – 2020), Dairi A.R. Dunlop, Biografi Tun Sakaran) dan Sejarah Sembulan.	Jumlah Terbitan	100%	100%
9	Membangunkan dan menggunakan Sistem Permohonan Tempahan (Bahagian Pemuliharaan) dalam talian.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	50%

JABATAN CETAK KERAJAAN NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Bangunkan akaun/portal repository yang dapat diakses oleh semua dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah pada akhir tahun 2022.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	85%
2	Menambahbaik sistem e-Tempahan akan ke versi-2 dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri pada akhir tahun 2022.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	70%

JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan inisiatif untuk memastikan semua undang-undang negeri Sabah adalah yang terkini, tepat dan selari dengan keperluan semasa.	Bilangan Rang Undang-Undang Dan Pindaan Undang-Undang Yang Diluluskan Oleh Dewan Undangan Negeri Sabah Pada Tahun Semasa	12 Rang Undang-Undang	100%
2	Melaksanakan pengemaskinian dan pembaharuan undang-undang negeri Sabah supaya ia sejajar dengan undang-undang persekutuan yang sentiasa selari dengan keperluan semasa.	Bilangan Rang Undang-Undang Dan Pindaan Undang-Undang Yang Diluluskan Oleh Dewan Undangan Negeri Sabah Pada Tahun Semasa	100%	100%
3	Pelaksanaan pendigitalan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) buku Laws of North Borneo, Enakmen, Ordinan dan Undang-Undang lama secara berperingkat setiap tahun.	Bilangan Buku Laws Of North Borneo Dan Yang Lain-Lain Yang Diimbas (Scanning)	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
4	Membangunkan satu (1) aplikasi khas yang dikenali sebagai Sabah e-Law bertujuan untuk menyediakan akses tanpa terhad bagi sumber undang-undang yang terdapat di negeri Sabah menjelang tahun 2025.	1. Penyediaan Kertas Kerja Aplikasi Digital Sabah E-Law 2. Permohonan Kelulusan Kewangan 3. Penyediaan Kontrak Lantikan JPKN Sebagai Jurutera Perisian Sabah E-Law 4. Proses Penyiapan Aplikasi Digital Sabah E-Law 5. Pelancaran Rasmi Aplikasi Digital Sabah E-Law.	100%	30%

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Kutipan hasil hutan sejumlah 145 Juta pada tahun 2022.	Peratusan Kutipan Hasil Hutan	100%	100%
2	Membangunkan dan menggunakan Sistem Informasi dan Pemantauan Kawasan Konservasi (CAIMS) bagi tiga (3) jenis kelas hutan simpan yang dilindungi sepenuhnya pada tahun 2021 dan menggunakan Sistem Informasi dan Pemantauan Kawasan Konservasi (CAIMS) pada tahun 2022.	Peratusan Kemajuan Sistem	100%	100%
3	Memulihkan lebih kurang 450,000 hektar kawasan hutan terosot (Degraded Forest) di seluruh Sabah menjelang tahun 2030 dengan melaksanakan rawatan Sivikultur seluas 5,000 hektar untuk tahun 2022.	Peratusan Keluasan Kawasan Hutan Terosot	100%	100%
4	Menyasarkan 400,000 hektar ladang hutan di seluruh Sabah menjelang tahun 2035 bagi tujuan bekalan kayu secara mampan dengan membangunkan seluas 6,000 hektar pada tahun 2022.	Peratusan Keluasan Ladang Hutan	100%	100%
5	Pendigitalan Pentadbiran Data Sumber Hutan Negeri Sabah.	Peratusan Kemajuan Sistem	100%	100%
6	Melaksanakan lima (5) Program Kesedaran Awam mengenai jenayah perhutanan untuk menangani persepsi negatif masyarakat.	Peratusan Bilangan Program	100%	100%
7	Membangunkan Sistem e-Bayaran Permit Pelawat ke Kawasan Rekreasi Berasaskan Alam Semula Jadi di Kawasan Hutan Simpan pada tahun 2021 dan 2022.	Peratusan Kemajuan Sistem	100%	92%
8	Mengenal pasti keluasan Totally Protected Area (TPA) seluas 2.2 Juta Hektar (30%) daripada keluasan tanah negeri Sabah menjelang tahun 2025 dengan mewartakan 10,000 Hektar kawasan TPA pada tahun 2022.	Peratusan Kemajuan Proses	100%	90%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
9	Mensijilkan satu (1) Projek Sustainable Forest Management (SFM) Dengan Keluasan 1,452 Hektar di bawah International Union For Conservation Of Nature (IUCN) Green List.	Peratusan Kemajuan Proses	100%	90%
10	Memulihkan 1,000 hektar kawasan hutan terosot (Degraded Forest) di seluruh Sabah dengan melaksanakan tanaman mengaya untuk tahun 2022.	Peratusan Keluasan Kawasan Hutan Terosot	100%	83%
11	Melaksanakan satu (1) Projek Perintis Perhutanantani (Agroforestry) yang melibatkan penduduk kampung dengan kerjasama Pelesen Sustainable Forest Management Licence Agreement (SFMLA).	Peratusan Bilangan Projek	100%	80%

JABATAN TANAH DAN UKUR NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Membangunkan dan menggunakan tiga (3) sistem atas talian pada tahun 2021 dan 3 Sistem atas talian pada tahun 2022. 1. e-Land Enquiry (Web Processing System) 2. Online calibration application (For Andus site) 3.Online Land Acquisition Plan (E-lacplan) For Valuation Section, Lands And Surveys Department, Sabah.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
2	Memproses 40,000 permohonan tanah di seluruh Pejabat Tanah Daerah dalam tahun 2022.	Jumlah Permohonan Tanah Diproses	100%	100%
3	Mencapai pungutan hasil sebanyak RM250 juta dalam tahun 2022.	Jumlah Pungutan Hasil Dicapai	100%	100%
4	Mendaftarkan urusniaga tanah bagi Single Dealing (Geran Pajakan) dalam tempoh 5 hari bekerja.	Jumlah Urusniaga Tanah Bagi Single Dealing (Geran Pajakan) Yang Didaftarkan Dalam Tempoh 5 Hari Bekerja	80%	100%
5	Mengeluarkan kelulusan permohonan Tanah Anak Negeri/Native Title (NT) dalam tempoh 24 bulan bermula dari tarikh permohonan dibuat.	Pematuhan Pengeluaran Kelulusan Permohonan Dalam Tempoh 24 Bulan	80%	100%
6	Mengemukakan pelan dan draf warta 75 Tapak Simpanan Perkampungan ke Pejabat Hasil Bumi untuk proses pewartaan bagi tahun 2022.	Jumlah Tapak Perkampungan	100%	100%
7	Mengemukakan warta pengambilan tanah ke Jabatan Peguam Besar Negeri dalam tempoh dua (2) bulan.	Pematuhan Mengemukakan Warta Dalam Tempoh Dua (2) Bulan	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN TANAH DAN UKUR NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
8	Mengukur keluasan 15,000 hektar Tanah Anak Negeri baharu bagi tahun 2022.	Jumlah Keluasan Tanah Diukur	15,000 Hektar	100%
9	Menyediakan 12,000 geran deraf bagi tahun 2022.	Jumlah Deraf Geran Disediakan	100%	100%
10	Menyediakan geran draf kawasan tanah hak adat yang diukur melalui Program Pengukuran PANTAS dalam tempoh 12 bulan bermula dari tarikh pengukuran di lapangan dibuat.	Pematuhan Penyediaan Geran Draf Dalam Tempoh 12 Bulan	80%	100%
11	Mengeluarkan 3,000 Surat Tawaran Pengambilan Tanah kepada Pemilik Tanah bagi tahun 2021.	Jumlah Surat Tawaran Yang Dikeluarkan	100%	95%
12	Memproses dan menyediakan perakuan kelulusan permohonan ke Jabatan Peguam Besar Negeri tukar syarat geran tanah dalam masa 90 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan teratur dibuat.	Pematuhan Proses Dan Penyediaan Kelulusan Dalam Tempoh 90 Hari Bekerja	80%	93%

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan 30 kursus Latihan Dalam Perkhidmatan secara dalam talian kepada Pegawai Awam Negeri Gred 41 dan ke atas.	Bilangan Kursus Yang Dijalankan	30 Sesi Kursus	100%
2	Melaksanakan Audit Indeks Kegembiraan Organisasi Berprestasi Tinggi (I-KOBT) terhadap 45 agensi (50%) di bawah Kerajaan Negeri Sabah pada setiap tahun.	Peratus Pelaksanaan	100%	100%
3	Melaksanakan dua (2) kursus/latihan mengenai 5K di lima (5) agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah.	Bilangan Kursus Yang Dijalankan	2 Kursus	100%
4	Melaksanakan kursus Amalan Baik Peraturan (GRP) kepada Pegawai Awam Negeri Gred 41 dan ke atas.	Peratus Pelaksanaan Kursus	100%	100%
5	Melaksanakan perkhidmatan kaunseling kepada anggota perkhidmatan awam negeri pada setiap tahun.	Perkhidmatan Kaunseling Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri	10 Orang	100%
6	Melaksanakan Program High Performance Talent untuk mencari pelapis pegawai muda pada tahun 2021.	Peratus Pelaksanaan Program	100%	100%
7	Melaksanakan tiga (3) Persidangan Pengurus Sumber Manusia untuk 128 Pegawai Sumber Manusia Kementerian dan Jabatan pada setiap tahun.	Bilangan Persidangan Yang Dijalankan	3 Persidangan	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
8	Melaksanakan tujuh (7) siri Program Outreach Perdana secara tele sidang melalui aplikasi zoom yang boleh menampung 500 penyertaan mulai tahun 2022.	Bilangan Program Yang Dijalankan	7 Siri Program	100%
9	Melaporkan kemajuan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan 2021-2025) pada setiap bulan.	Laporan Kemajuan Inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan 2021-2025)	100%	100%
10	Membangunkan dan menggunakan Portal BKNS bagi memudahkan proses pembayaran elaun BKNS pelajar dan telah dikemaskini mengikut keperluan semasa bagi tahun 2022.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
11	Membangunkan dan menggunakan Sistem Pengurusan Fail Dan Pengesanan Dokumen Atau Surat.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
12	Membangunkan sistem e-Matriks bagi Pegawai Perkhidmatan Gunasama Pentadbiran (N) Negeri.	Peratus Pembangunan Sistem	100%	100%
13	Membangunkan sistem permohonan & pemprosesan peruntukan pembangunan (D Vote) JKM untuk Bahagian Pengurusan Kewangan (BPK) menjelang tahun 2022.	Prestasi Kemajuan	100%	100%
14	Membangunkan sistem permohonan dan pemprosesan lesen perniagaan untuk Pejabat Daerah di bawah Flagship Pendigitalan Pejabat Daerah.	Bilangan Daerah	10	100%
15	Memperkemaskan struktur/mengukuhkan perjawatan sekurang-kurangnya sepuluh (10) agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2022.	Bilangan Agensi Yang Diselesaikan	10 Agensi	100%
16	Menaja seramai 2,106 pelajar diploma, sarjana muda dan sarjana bagi tahun 2022.	Bilangan Pelajar	100%	100%
17	Menaja seramai 306 pelajar daripada golongan B40 dan luar bandar untuk mengikuti pengajian kemahiran dan diploma bagi tahun 2022.	Bilangan Pelajar	100%	100%
18	Menjalankan dua (2) siri peperiksaan guna sama bagi 82 Skim Perkhidmatan secara atas talian.	Bilangan Peperiksaan Skim Perkhidmatan	2 Siri Peperiksaan Bagi 82 Skim Perkhidmatan	100%
19	Menjalankan Program 5K yang melibatkan 200 penyertaan Penjawat Awam Negeri secara dalam talian.	Bilangan Penyertaan	500 Penyertaan	100%
20	Menyediakan 10 Kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (Fizikal) Dalam Negara sepanjang tahun.	Bilangan Kursus Yang Dijalankan	10 Kursus	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
21	Menyediakan pelantar E-Pembelajaran dalam talian Sabah ELITE Percipio kepada 1500 Pegawai Awam Negeri Gred 41 dan ke atas.	Bilangan Pegawai Yang Menggunakan Pelantar E-Pembelajaran	1500 Pegawai Awam Negeri Gred 41 ke atas	100%
22	Menyediakan sebuah Buku Garis Panduan Tadbir Urus Agensi Awam Negeri Sabah yang komprehensif.	Peratus Kemajuan Penyiapan Buku	100%	100%
23	Merangka dan membangunkan satu (1) sistem kelulusan untuk menambahbaik dan mempermudahkan proses kelulusan pembiayaan rawatan perubatan bagi pegawai dan pesara bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah serta ahli keluarga yang berkelayakan.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
24	Pelaksanaan Talent Development Programme (TDP) untuk 10 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (PNP) Gred 41 / 44 / 48.	Peratus Pelaksanaan Program	100%	100%
25	Penganugerahan Penarafan lima (5) Bintang (Star Rating) KPI SM2 kepada semua agensi pada setiap tahun.	Peratus Pelaksanaan	100%	100%
26	Menyasarkan 10,000 pegawai dan anggota kementerian, jabatan, pejabat daerah dan agensi Kerajaan Negeri menyertai kursus berasaskan kompetensi dan keperluan tugas hakiki yang dianjurkan INSAN setiap tahun.	Bilangan Penjawat Awam	10,000 Orang	95%
27	Membangunkan dan menggunakan Dashboard Sabah Maju Jaya pada tahun 2022.	Prestasi Kemajuan	100%	90%
28	Membangunkan dan menggunakan INSAN Integrated Training System (INSAN-ITS).	Peratus Pembangunan Sistem	100%	90%
29	Menyediakan laporan tahunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan 2021-2025) pada setiap penghujung tahun.	Peratus Kemajuan Penyiapan Laporan	100%	90%
30	Mewajibkan semua penjawat awam GRED N40 ke bawah mendapat latihan luaran atau dalaman sekurang-kurangnya 40 jam atau 5 hari latihan setahun bagi setiap kakitangan.	Bilangan Penjawat Awam	100%	90%

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Membangunkan dan menggunakan Sistem Inventori Aksesori Pakaian Istiadat (SIPIR).	Peratus Kemajuan Sistem	100%	100%
2	Menaik taraf Sistem Pengurniaan Darjah Kebesaran (e-Kurnia).	Peratus Kemajuan Sistem	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
3	Menjalankan bancian penduduk setiap dua (2) kali setahun di lima (5) buah Skim Penempatan Orang Asing.	Bancian Penduduk	100%	100%
4	Sistem Pengurusan Bencana.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	100%
5	Membangunkan dan menggunakan Sistem Permohonan Penduduk Tetap.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	85%
6	Membangunkan dan menggunakan Sistem Pas Kerja (Umum, Oil & Gas dan Ekspatriat).	Peratus Kemajuan Sistem	100%	85%
7	Membangun dan menggunakan Sistem Kutipan Awam.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	10%
8	Membangunkan dan menggunakan Sistem Permit Hiburan.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	10%
9	Membangunkan dan menggunakan Sistem Maklumat Komuniti Pala'u.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	0%

PEJABAT HASIL BUMI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan Communication Education and Public Awareness (CEPA) yang berkesan agar rakyat Sabah datang bersama-sama memelihara biodiversiti dan melestarikan penggunaan sumber alam.	Peratusan Bilangan Program	100%	100%
2	Menyasarkan pemprosesan permohonan tanah orang awam yang secara puratanya boleh mencapai sebanyak 300 setiap tahun dan memudahkan proses penyemakan status permohonan tanah melalui pembangunan Sistem e-BUMi bermula tahun 2022 sehingga 2025.	Peratusan Bilangan Permohonan Tanah	100%	100%
3	Penggunaan sistem Sabah Biodiversity Access and Export Online Application System (SaBAES) untuk permohonan lesen akses dan eksport akademik sepenuhnya secara atas talian.	Peratusan Kemajuan	100%	100%
4	Pelaksanaan lesen akses dan eksport akademik sumber biologi Sabah oleh Pusat Biodiversiti Sabah.	Peratusan Kemajuan	95%	90%
5	Mengumpul dan merekod maklumat / data terdahulu sehingga kini mengenai spesies hidupan liar di Sabah untuk dimasukkan ke dalam sistem Sabah Biodiversity Intergrated Information System (SaBIIS) dalam bentuk peta serta menerbitkan maklumat berkaitan spesies berkenaan.	Peratusan Kemajuan	100%	85%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

PEJABAT HASIL BUMI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
6	Penguatkuasaan peraturan berserta garis panduan perlu dilaksanakan selari dengan Enakmen Biodiversiti Sabah 2000/2017.	Peratusan Kemajuan Proses	95%	75%
7	Melaksanakan program Outreach dan Kesedaran mengenai ABS dan PIC ke 26 daerah Negeri Sabah sehingga tahun 2022.	Peratusan Bilangan Daerah	95%	70%
8	Mencalonkan pewartaan landskap Kinabatangan seluas 259,021 ha sebagai Biosphere Reserve di bawah program Man and Biosphere, UNESCO dan dokumen pencalonan dihantar ke ibu pejabat program Man and Biosphere, UNESCO pada tahun 2024.	Peratusan Kemajuan	80%	60%
9	Mengumpul dan mendokumentasi maklumat / data yang melibatkan pengetahuan tradisi TEK (terutama sekali dalam kajian ethnobotani) di 8 komuniti tempatan dan natif di Negeri Sabah sehingga tahun 2025.	Peratusan Bilangan Komuniti Dan Natif	70%	55%
10	Kajian dan semakan semula SBS 2012 - 2022 mengikut Terma Rujukan yang disediakan dan kajian tersebut harus selesai pada 2022.	Peratusan Kemajuan Kajian	80%	20%
11	Membuat kajian dasar bioteknologi Sabah untuk menghasilkan Sabah Biotechnology Strategic Plan.	Peratusan Kemajuan Kajian	80%	20%

PEJABAT PERHUBUNGAN NEGERI SABAH KUALA LUMPUR

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melancarkan sistem Pendaftaran Rakyat Sabah di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022 dan akan dirasmikan oleh Ketua Menteri atau wakilnya.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	100%
2	Mengadakan Hari Bertemu pelanggan (HBP) 4 kali dalam tahun 2022 di seluruh Semenanjung Malaysia.	Jumlah Pelaksanaan Program	100%	100%
3	Menyasarkan 50,000 Rakyat Sabah yang berada di seluruh Semenanjung Malaysia didaftarkan dalam Sistem Pendaftaran Rakyat Sabah menjelang tahun 2025.	50,000 Rakyat Sabah Yang Berada Di Seluruh Semenanjung Malaysia Didaftarkan Dalam Sistem Pendaftaran Rakyat Sabah	2%	100%
4	Pengoperasian sistem Pendaftaran Rakyat Sabah di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022 sepenuhnya.	Peratus Kemajuan Sistem	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH (PENTADBIRAN)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	10 pegawai kerajaan awam negeri Sabah menyertai latihan/kursus anjuran pihak Rakan Pembangunan dan Asian Development Bank setiap tahun.	10 Pegawai Kerajaan Awam Negeri Sabah	100%	100%
2	10 produk inovasi setahun meliputi kawasan Zon Kota Kinabalu, Zon Kudat, Zon Sandakan, Zon Pedalaman Bawah dan Zon Pedalaman Atas menjelang tahun 2023 dan 2 produk inovasi Berjaya diaplikasikan dalam penyampaian perkhidmatan setiap tahun.	Jumlah Produk Inovasi	100%	100%
3	Menjalankan dua (2) kajian ekonomi iaitu Collaborative Approach to Special Economic Zones (SEZs) Development and Cooperation in BIMP-EAGA dan Review and Assessment on BIMP-EAGA Economic Corridors.	Purata Daripada Markah Peratusan Sub-Inisiatif.	100%	100%

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH (PEMBANGUNAN)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Membangunkan Sistem Permohonan menyertai International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) dan Pemantauan Data Inisiatif Teknologi Hijau Kerajaan Negeri Sabah.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	100%	100%
2	Membawa sekurang-kurangnya lima (5) produk inovasi berasaskan teknologi hijau menyertai International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) setiap tahun.	Produk Inovasi Berasaskan Teknologi Hijau Menyertai International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)	100%	100%

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH (TUGAS-TUGAS KHAS)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Sabah (AKSA) kepada 200 penerima pada tahun 2022.	Bilangan Penerima	15 Penerima	100%
2	Melaksanakan Program Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) fasa 2 kepada 560 pelajar miskin tegar yang layak di negeri Sabah pada tahun 2022.	Bilangan Penerima	560 Pelajar	100%
3	Melaksanakan Program Bantuan Tunai Khas Peperiksaan (BAKTI) untuk memberikan bantuan tunai sebanyak RM200 kepada 40,000 pelajar calon peperiksaan SPM / STPM / STAM dari keluarga berpendapatan isi rumah RM5000 ke bawah pada tahun 2022.	Jumlah Penerima	40000	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH (TUGAS-TUGAS KHAS)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
4	Membangunkan dan menggunakan Sistem Aduan Kesalahan Jenayah Syariah (Modul Tangkapan dan Penguatkuasaan).	Peratus Penyiapan Sistem	100%	100%
5	Mengadakan lapan (8) siri kursus pemantapan kepada 338 orang pendaftar (Jurunikah) pada tahun 2022.	Bilangan Siri Kursus	8 Siri Kursus	100%
6	Meningkatkan kompetensi Imam melalui penganjuran Program Kompetensi kepada Imam Daerah, Imam Kariah dan Imam Rawatib di 15 daerah.	Bilangan Daerah	15 Daerah	100%
7	Menyasarkan kutipan zakat RM104 juta pada tahun 2022.	Jumlah Kutipan Zakat (RM)	RM104 Juta	100%
8	Menyasarkan pertambahan kutipan dana Kumpulan Wang Amanah Baitulmal (KWAB) sebanyak RM1,000,000.00 setiap tahun bermula tahun 2021.	Jumlah Kutipan Dana KWAB (RM)	RM3.9 Juta	100%
9	Menyediakan bantuan kewangan/geran tahunan sejumlah RM2000 kepada Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) di 1500 sekolah seluruh Sabah pada tahun 2022.	Bilangan Sekolah Yang Menerima Bantuan	1500 Sekolah	100%
10	Menyediakan Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) secara one-off sebanyak RM2,000 kepada 5,000 pelajar yang mendaftar ke IPT kali pertama pada tahun 2022.	Peratus Permohonan Yang Diproses	4750 Pelajar	100%
11	Sistem E-Perkahwinan iaitu fasa pertama: membangunkan dan menggunakan sistem permohonan & kebenaran Kahwin Semasa. Sistem ini secara atas talian untuk kegunaan orang awam.	Peratus Penyiapan Sistem	100%	100%
12	Tabung Simpanan Pendidikan Anak Sabah (BISTARI) sebanyak RM100 kepada 2,500 bayi yang lahir pada tahun 2022.	Bilangan Pemohon Yang Diluluskan Permohonan	2,500 Bayi	100%
13	Menaiktaraf Sistem e-Zakat pada tahun 2022.	Peratus Penyiapan Sistem	100%	99%
14	Bantuan Ihsan Sekolah Sabah (BISBAH) (peralatan sekolah) untuk 1500 sekolah pada tahun 2022.	Bilangan Sekolah Yang Menerima Bantuan	1500 Sekolah	98%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH (TUGAS-TUGAS KHAS)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
15	Membangunkan dan menggunakan sistem profiling pendidikan negeri Sabah bagi menyimpan maklumat setiap IPTA/IPTS dan sekolah-sekolah yang terdapat di negeri Sabah.	Peratus Pembangunan Sistem	100%	95%
16	Meningkatkan agihan bantuan zakat kepada RM100 juta untuk tahun 2022.	Jumlah Agihan Zakat (RM)	RM100 Juta	92%
17	Sistem e-Kemasukan Tingkatan Satu iaitu membangunkan dan menggunakan sistem e-Kemasukan pelajar Tingkatan Satu.	Peratus Penyiapan Sistem	100%	84%

LEMBAGA KEMAJUAN PERHUTANAN NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan penyelenggaraan ladang hutan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 6 pusingan setahun untuk 1,500 hektar ladang Kayu Acacia Mangium di kawasan Wilayah Utara dan 8 pusingan setahun untuk 2,000 hektar ladang Hutan Lateks Balak Getah di kawasan Wilayah Barat.	Semua Pusingan Penyelenggaraan Dapat Disiapkan, Iaitu 6 Pusingan Setahun Untuk 1,500 Hektar Ladang Acacia Mangium Dan 8 Pusingan Setahun Untuk 2,000 Hektar Ladang Lateks Balak Getah	100%	80%

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan Pembangunan Tanah Projek Sosioekonomi seluas 2,529 hektar dan Tanam Semula Sawit seluas 6,311 hektar di seluruh Sabah menjelang tahun 2025.	Peratusan Kemajuan	100%	100%
2	Melaksanakan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) kepada 1,022 Benefisiari di kawasan projek sosioekonomi Geran Komunal Tongod menjelang tahun 2025.	Peratusan Bilangan Benefisiari	100%	100%
3	Membina baharu sebanyak 48 unit dan membaik pulih 260 unit rumah buruh di ladang projek sosioekonomi SLDB menjelang tahun 2023.	Peratusan Kemajuan Unit Rumah	100%	100%
4	Menaiktaraf Jalan Ladang kepada Jalan Pembatuan sepanjang 418 kilometer di Kawasan Projek Sosioekonomi menjelang Tahun 2023.	Peratusan Kemajuan	100%	100%
5	Mengagihkan bantuan baja sawit kepada pekebun kecil SLDB di kawasan projek sosioekonomi seluas 6,524 hektar menjelang tahun 2022.	Peratusan Kawasan Pengagihan	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
6	Menyediakan bantuan keusahawanan kepada 400 orang Pekebun Kecil meliputi bidang pertanian (tanaman kontan), penternakan dan ekonomi desa di kawasan projek sosioekonomi SLDB menjelang tahun 2025.	Peratusan Bilangan Pekebun	100%	100%
7	Menyelaras Tiga (3) Fasa dan Melengkapkan Dokumen "Title Survey" Proses Pengeluaran Geran Tanah Kepada 299 Peserta Ladang Dalit, Keningau Menjelang Tahun 2024.	1. LOA Kepada Juru Ukur (10%) 2. Memantau Kerja Pengukuran Di Lapangan (60%) 3. Penyediaan Deraf "Title Survey" (20%) 4. Penerimaan Deraf "Title Survey" (10%) 5. Memajukan Deraf "Title Survey" Ke JTU Daerah (Fasa Ke-3)	100%	100%
8	Merangka Pelan Strategik Lembaga 2022-2026 (PSL 2022-2026) pada tahun 2022.	Peratus Kemajuan Proses	100%	100%
9	Melaksanakan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan membaik pulih 500 rumah dan membina baharu 50 rumah Peneroka/Pekebun Kecil SLDB menjelang tahun 2025.	Peratusan Kemajuan	100%	90%
10	Menaiktaraf Jalan Perhubungan Utama sepanjang 22.8 kilometer melibatkan komponen Jalan Berturap (R2), Jalan Pembatuan, Jalan Konkrit dan Pembinaan 1 unit Jambatan di Kabintaluan Tenom menjelang tahun 2024.	Peratusan Kemajuan	100%	87%
11	Membina Tiga (3) Unit Pusat Pengumpulan Produk di Sandakan, Lahad Datu dan Keningau Menjelang Tahun 2023.	Sebanyak 3 Unit Pusat Pengumpulan Produk Siap Dibina	100%	56%

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Menaiktaraf sistem Job Online.	1. Peratus Kemajuan Naik Taraf Sistem	100%	100%
2	Menambah modul baharu sistem E-SPANS.	Jumlah Modul Baharu Dalam Sistem E-SPANS	50%	40%
3	Menambah modul penyampaian keputusan mesyuarat dijana daripada sistem E-SPANS.	1. Peratus Kemajuan Penambahan Modul Penyampaian Keputusan Mesyuarat	100%	40%

UNIT PEMIMPIN PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan Program-Program Cintakan Tanah Air.	Jumlah Program Yang Dilaksanakan	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

UNIT PEMIMPIN PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
2	Mengadakan 25 Program Libat Urus bersama Masyarakat Setempat Bagi Memudahkan Penyaluran dan Penyampaian Maklumat Berkesan.	Jumlah Program Yang Dilaksanakan	100%	100%
3	Membangun Satu Sistem Saluran Maklumat sebagai Medium Penyampaian Maklumat/Aduan antara Jabatan dengan Masyarakat dan sebaliknya.	1. Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem 2. Peratus Kemajuan Penggunaan Sistem	100%	60%
4	Membangunkan dan menggunakan sistem pelaporan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM).	1. Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem 2. Peratus Kemajuan Penggunaan Sistem	100%	60%

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Menaik taraf Sistem State Projects Information System (SPINS) ke versi 2.0.	Peratus Kemajuan Pembangunan Sistem	10%	100%

YAYASAN SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	90% kadar kebolehpasaran graduan enam (6) bulan selepas tamat pengajian.	Peratusan Bilangan Pelajar	100%	100%
2	Melaksanakan 10 program kesedaran awam/latihan kemahiran/CPD/Up-skilling/seminar yang selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Sabah sebagai negeri berunsurkan 'Smart and Green' dalam Tahun 2022.	Bilangan Program	100%	100%
3	Melaksanakan aktiviti Pendidikan Alam Sekitar sebanyak 12 kali setahun untuk lima (5) kawasan Konservasi di bawah jagaan CEMD dan Kelab Pencinta Alam Sabah (SNC) Kota Kinabalu.	Peratusan Bilangan Aktiviti	100%	100%
4	Melaksanakan aktiviti rondaan kawasan sebanyak 180 aktiviti setiap tahun bagi keseluruhan lima (5) kawasan konservasi & dua (2) kawasan rehabilitasi untuk mengurangkan / mencegah insiden pencerobohan dan pemburuan haram.	Peratusan Bilangan Aktiviti	100%	100%
5	Melaksanakan tiga (3) aktiviti atau projek penyelidikan UCSF yang berunsurkan inisiatif hijau, etnik dan pengajian sosial dalam Tahun 2022.	Bilangan Program	100.0%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

YAYASAN SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
6	Memberikan latihan praktikal kepada 30 graduan mengenai konservasi hutan dan perlindungan alam sekitar di semua kawasan konservasi dan rehabilitasi (INFAPRO & INIKEA) pada tahun 2022.	Peratusan Bilangan Graduan	100%	100%
7	Mencapai 70% daripada graduan University College Sabah Foundation (UCSF) dapat mencari kerja/sambung belajar/bekerja sendiri selepas enam (6) bulan dari tarikh akhir graduasi untuk Tahun 2022.	Peratusan Bilangan Pelajar	100%	100%
8	Menetapkan sasaran 7,300 orang pelawat setahun untuk keseluruhan lima (5) kawasan konservasi dan dua (2) kawasan rehabilitasi (INFARPRO & INIKEA).	Peratusan Bilangan Pelawat	100%	100%
9	Menyasarkan 405 kemasukan pelajar baharu ke Kolej Teknikal Yayasan Sabah pada tahun 2022.	Peratusan Bilangan Pelajar	100%	100%
10	Menyasarkan 70% pulangan pendapatan semula daripada dana berjumlah RM460,000.00 yang diperuntukkan kepada 24 orang usahawan kraf tangan dalam tempoh masa 12 bulan.	Peratusan Pulangan Pendapatan	100%	100%
11	Menyasarkan penyertaan lima (5) orang daripada pelatih (14 orang pada tahun 2020) akan menjadi pengusaha/usahawan dalam bidang rekaan digital tekstil menjelang tahun 2025.	Peratusan Bilangan Pelatih	100%	100%
12	Menyediakan peluang pendidikan tadika yang berkualiti dengan yuran yang berpatutan untuk 80 orang murid di Kota Kinabalu dan 150 orang murid di luar bandar dalam setahun.	Peratus Bilangan Murid	100%	100%
13	Menyediakan peluang untuk sekurang-kurang 20 orang murid sekolah rendah (7 -12 tahun) setahun untuk mendapat bimbingan dalam semua mata pelajaran teras serta jagaan (termasuk aktiviti kokurikulum) sebelum dan selepas sesi persekolahan di Pusat Transisi Bahagian Perkembangan Kanak-Kanak.	Peratus Bilangan Murid	100%	100%

JABATAN KETUA MENTERI (JKM)

YAYASAN SABAH

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
14	Menaja seramai 1,244 orang pelajar pada tahun 2022.	Peratusan Bilangan Pelajar	100%	93%
15	Mencapai kemasukan mahasiswa/i baharu sebanyak 300 mahasiswa/i tempatan dan 20 mahasiswa/i antarabangsa untuk University College Sabah Foundation (UCSF) dalam Tahun 2022.	Peratusan Bilangan Pelajar	100%	92%
16	Menyediakan peluang perkhidmatan asuhan dan jagaan berkualiti, selamat dan kondusif dengan yuran yang berpatutan untuk 100 orang kanak-kanak taska dalam setahun di Taska Ria dan Taska Sadong Jaya kota Kinabalu.	Peratus Bilangan Murid	100%	75%
17	Membangunkan Sistem 'Facility booking & Reservation' Yayasan Sabah menjelang 2025.	Peratusan Kemajuan	100%	70%

Inisiatif KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)

Hala Tuju Sabah Maju Jaya –
Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025)

KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH (MOF)

BIL.	INISIATIF SMJ 2022	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1	Melaksanakan Pelan Operasi Latihan (POL) bermula tahun 2021.	Peratus Kemajuan	100%	100%
